

BANTU SI KECIL BERTATIH

Buti rekaan Noor Eizie selesa, sesuai untuk bayi praberjalan

Siti Zarinah Sahib
sitizarinah@hmetro.com.my

Fasa bertatih adalah waktu paling mendebarkan bagi kebanyakan ibu bapa. Ini kerana dalam tempoh ini si kecil mulai bangun dan memegang apa sahaja di sekeliling mereka untuk dijadikan penahan bagi membolehkan mereka bertatih perlahan-lahan.

Ada kala mereka terjatuh atau terduduk sendiri namun semangat bayi pada usia sekitar sembilan bulan sehingga setahun ini sangat kuat. Mereka terus bangun dan mencuba untuk berjalan. Jika sakit, menangis sekejap dan apabila kesakitan hilang, usaha akan diteruskan.

Melihat si comel yang gembira meneroka kebolehan baru, ada sesetengah ibu bapa khuatir mengenai pemakaian kasut untuk bayi mereka. Ini kerana rekaan sepatu untuk fasa bertatih ini biasanya dikhususkan bermula daripada baru lahir sehingga sekurang-kurangnya 12 bulan.

Oleh kerana ketika ini, kaki bayi masih mulus dan lembut, rekaan kasut harus mengambil kira ciri keselesaan, lembut dan fleksibel agar tidak mengganggu pergerakan motor halus bayi.

Menurut pereka buti atau kasut lembut bayi Noor Eizie Eizyane Mohamad Safuan, 29, memilih kasut dianggap mudah dan remeh namun ia sangat penting untuk perkembangan kaki dan mengelakkan pembaziran. "Terutama untuk bayi pada peringkat praberjalan kerana selain memberi perlindungan ia juga mengelak kecederaan. Oleh itu kasut harus lembut sesuai dengan tapak kaki si kecil, tidak terlalu sempit atau besar yang menyebabkan ketidakselesaan, kecederaan atau kecacatan.

"Memilih buti adalah pilihan yang tepat kerana selain lembut ia tidak menghalang pergerakan kaki atau membantutkan perkembangan si comel. Untuk bayi baru lahir sehingga sembilan bulan,



RONA terang dengan corak memikat untuk si kecil.

buti yang dikenakan adalah sebagai aksesori sahaja, berbeza apabila mereka sedang belajar bertatih di mana kasut lembut ini sangat memainkan peranan bagi membolehkan si kecil membentuk langkah dengan baik," jelasnya.

Menjalankan perniagaan sepenuh masa, pemegang Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Perindustrian, Universiti Putra Malaysia (UPM) ini mula mendapat idea menghasilkan kasut bayi ketika hamil anak sulung. Pada masa itu dia mencari-cari kasut lembut bayi yang sesuai dengan usia Eizzul Madanie namun koleksi sangat terhad terutama menggunakan jahitan tangan.

"Saya membuat keputusan menjahit sendiri kasut bayi supaya dapat memberikan keselesaan kepada anak saya. Bermula untuk pemakaian sendiri lama-kelamaan rakan dan keluarga mulai bertanya dari mana saya mendapatkan kasut Eizzul kerana corak sangat berbeza dan tiada dijual di pasaran.

"Mereka mula membuat tempahan dan mempromosikannya dengan bercerita, akhirnya

terhasilah jenama kasut lembut bayi di bawah label Ezloveycraft," kata anak jati Negeri Sembilan ini.

Menggunakan media sosial sebagai medan pemasaran, Noor Eizie kerap memuat naik gambar anaknya memakai buti di Facebook dan Instagram sehingga mendapat perhatian ramai.

Kelainan corak dan kualiti kasut bayi rekaannya mendapat perhatian ramai. Dia cuba menghasilkan rekaan asli tanpa sebarang peniruan, baik dari segi potongan dan material digunakan.

"Saya menggunakan fabrik kapas berkualiti tinggi yang diimport. Kain ini dipotong mengikut ukuran kemudian diletakkan tapak antigelincir bagi mengelak ia terlalu lembut pada bahagian bawah kasut. Bahan ini juga berfungsi memberi perlindungan pada kaki bayi.

"Semua rekaan saya jahit sendiri. Namun saya sangat komited dan mengharapkan maklum balas pelanggan bagi memperbaiki kekurangan. Apa sahaja yang diluahkan saya akan ambil kira dan memperbaikinya," katanya yang dulunya bekerja sebagai pereka grafik dan pengalaman ini sedikit sebanyak membantu dalam menghasilkan potongan kasut.

Menjadi pereka pertama menempatkan buti dalam botol, jelas Eizie, ilham ini diperoleh kerana dia bimbang kasut lembut ini diterima dalam keadaan kurang baik.

Oleh itu buti yang ditempah akan dipek di dalam botol bagi membolehkan kedudukannya kekal sama,



NOOR Eizie mendukung Eizzul.



EIZZUL menggayakan buti yang dijahit ibunya.

0-6 bulan, 6-12 bulan, 12-18 bulan. Walaupun kasut praberjalan diperuntukkan sehingga bayi berusia 12 bulan, tetapi perkembangan bayi adalah berbeza, sebab itu ukuran kasut disediakan sehingga maksimum dua tahun. Ini kerana ada juga bayi memiliki kaki lebih besar daripada usia. Sebelum membeli (terutama dalam talian) pastikan anda membuat ukuran yang tepat untuk kaki bayi anda.

3. Selamat
Cari buti yang memiliki tapak tidak licin bagi membolehkan bayi selamat dan tidak tergelincir apabila berdiri. Ini boleh diperhatikan menerusi tapak yang sedikit kasar.

4. Suai padan
Oleh kerana kasut adalah pelengkap perhiasan bayi, pilih rona yang boleh disesuaikan dengan banyak baju. Misalnya untuk bayi perempuan pilih daripada rona merah jambu atau pastel manakala lelaki dengan biru, hijau atau ungu.

selamat dan tidak rosak ketika penghantaran.

"Pembungkusan ini juga menjadi tarikan kerana satu kelainan. Pelanggan akan terima kasut dalam keadaan baik dan botol itu boleh diguna semula mengikut kreativiti masing-masing," jelasnya.

Menyediakan kasut praberjalan bayi pada usia baru lahir sehingga 12 bulan, buti ini dijual pada harga

RM49 ke atas bergantung kepada rekaan.

Panduan memilih buti:

1. Fabrik selesa
Buti haruslah diperbuat daripada bahan fleksibel dan mudah lentur seperti kapas. Ia harus selesa dan lembut bagi membolehkan bayi bebas bergerak.
2. Ukuran sesuai
Ukuran kasut praberjalan biasanya bermula daripada



ANTARA koleksi kasut lembut yang sesuai digayakan bayi di bawah 12 bulan.